

Memorandum kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah daripada Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS)

Mukadimah

1. Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS) adalah gabungan 21 pertubuhan komuniti Orang Asal di seluruh Malaysia yang mewakili pelbagai suku kaum Orang Asal. Sebagai badan utama menuntut dan membela hak Orang Asal di Malaysia, JOAS menyediakan perwakilan Orang Asal di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

2. Terdapat lebih daripada 80 bangsa-bahasa Orang Asal di Malaysia, di mana setiap suku mempunyai budaya, bahasa dan wilayah tersendiri. Secara keseluruhan, terdapat 4 juta Orang Asal atau 15% daripada jumlah penduduk Malaysia. Orang Asal juga merupakan di antara kumpulan termiskin di Malaysia, ini menunjukkan Orang Asal telah ditindas, dipinggir dan disisih daripada masyarakat arus perdana disebabkan tiada pengiktirafan hak asasi seperti yang terkandung dalam perundangan Adat kebangsaan dan antarabangsa.

3. Sejarah dan kewujudan Orang Asal bermula sebelum sejarah moden Malaysia. Adat, tradisi dan institusi Orang Asal dibangunkan dan diamalkan sebelum sebarang undang-undang bertulis wujud. Orang Asal telah mengamalkan hubungan rapat dengan alam sekitar di dalam wilayah tanah adat Orang Asal.

4. Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan Perkara 5 hingga 13 menjamin hak asasi semua rakyat Malaysia termasuk Orang Asal. Perkara 153 memperuntukkan tanggungjawab Yang Dipertuan Agung untuk menjaga dan melindungi Hak dan keistimewaan Orang Asal juga. Adalah tanggungjawab kerajaan untuk menjamin dan melindungi hak-hak Orang Asal.

5. UN-DRIP adalah Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap Hak Orang Asal. Ia merupakan undang-undang yang melindungi Hak Orang Asal seluruh dunia dan juga membantu melindungi budaya, tanah dan cara hidup Orang Asal. Pada 13 September 2007, Perhimpunan Agung PBB telah mengundi dan mengesahkan UN-DRIP. Malaysia merupakan salah satu daripada negara-negara yang telah mengundi untuk mempersetujui pengesahan UN-DRIP.

6. Memorandum ini adalah hasil kajian menyeluruh berkenaan undang-undang dan polisi di Malaysia yang memberikan kesan terhadap Orang Asal. Proses ini termasuklah siri dialog, bengkel dan perbincangan dengan perwakilan Orang Asal di seluruh Malaysia dan kemuncaknya di dalam satu bengkel diperingkat kebangsaan yang telah diadakan di Annexe Gallery, Central Market, Kuala Lumpur dari 9hb-12hb September 2008.

7. Berikut adalah usul-usul yang telah dipersetujui untuk dipersembahkan Yang Kebawah Duli Tuanku,

Hak Penentuan Diri

8. UN-DRIP mengakui bahawa Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, *“the International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights”* dan *“the International Covenant on Civil and Political Rights”* dan juga *“the Vienna Declaration and Programme of Action”*, mengalakkan kepentingan asas hak penentuan diri untuk semua orang, yang bermaksud semua orang bebas untuk menentukan status politik dan bebas meneruskan pembangunan ekonomi, sosial dan adat. Perkara 3 dalam UN-DRIP menyatakan bahawa Orang Asal mempunyai hak penentuan diri, yang mana berlandaskannya, Orang Asal bebas untuk menentukan status politik dan bebas mengejar pembangunan ekonomi, sosial dan budaya kami.

9. Tetapi dalam konteks Malaysia, tiada undang-undang atau polisi yang menyatakan tentang hak penentuan diri untuk Orang Asal, lebih-lebih lagi mengiktirafkan hak tersebut.

10. Di sebaliknya, terdapat pelbagai undang-undang, tindakan dan rancangan kerajaan yang secara langsung menentang prinsip hak penentuan diri dan mencabul hak asasi Orang Asal. Pencabulan hak ini termasuk tidak mengiktirafkan tanah adat dan hak mengamalkan adat malah melaksanakan penempatan secara paksa, polisi asimilasi dan integrasi dan langsung tidak menghiraukan keputusan-keputusan kehakiman.

Tiada Pengiktirafan Tanah Adat

11. Perkara 26 dalam UN-DRIP menyatakan bahawa masyarakat Orang Asal berhak ke atas tanah, wilayah dan sumber-sumber yang telah mereka miliki, duduki atau gunakan secara tradisi dan kerajaan harus memberi pengiktirafan dan pengesahan hak ini secara rasmi.

12. Mahkamah-mahkamah di Malaysia telah mengesahkan ini di dalam beberapa keputusan yang memberi pengiktirafan kepada tanah adat, wilayah dan sumber-sumber Orang Asal. Ini termasuklah keputusan-keputusan kes Adong Kuwau, Nor Nyawai, Sagong Tasi, Rambilin Ambit dan Madeli Salleh.

13. Keputusan-keputusan ini membuktikan kewujudan tanah adat yang lahir daripada adat Orang Asal, yang memberi maksud kepada tanah adat. Adat merupakan sebahagian daripada undang-undang Malaysia dan ia dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan. Perlaksanaan adat juga konsisten dengan '*common law*', yang memberi panduan kepada mahkamah-mahkamah untuk memberi definisi tanah adat dengan merujuk kepada adat Orang Asal.

14. Walaupun terdapat keputusan-keputusan mahkamah tempatan yang menerima tuntutan tanah adat Orang Asal, kerajaan Malaysia dan agensi-agensinya memilih untuk tidak menerima-pakai keputusan-keputusan tersebut sebagai rujukan perundangan. Sebaliknya, setiap kes tuntutan tanah adat yang dibawa ke mahkamah dilihat sebagai satu kes baru yang perlu dibicarakan dengan hujah-hujah yang baru.

15. Seorang bekas Peguam Besar Negeri Sarawak telah menyatakan di dalam sebuah forum umum bahawa kerajaan negeri tidak sepatutnya mengikuti keputusan-keputusan Mahkamah Persekutuan di Malaysia seperti kes Madeli Salleh di mana mahkamah mengiktiraf dan mendukung tanah adat Orang Asal. Ini mencerminkan bahawa kerajaan negeri tidak mahu menerima hakikat dan sebaliknya cuba memutar-belitkan fakta yang sebenarnya.

16. Di dalam kes Sagong Tasi yang dirayu ke Mahkamah Persekutuan, kerajaan Malaysia telah menolak konsep tanah adat. Lebih-lebih lagi, kerajaan menyatakan bahawa seksyen 3 dan 6 Akta Undang-Undang Sipil menegaskan sekiranya sebuah undang-undang tempatan yang sesuai wujud, ia tidak tertakluk kepada perkara-perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang atau instrumen adat antarabangsa.

17. Ini jelas sekali menunjukkan kerajaan Malaysia menolak hak Orang Asal ke atas tanah, wilayah dan sumber-sumber tradisi mereka.

Tanpa Izin berasaskan makluman awal, bebas dan telus (Izin-MABT)

18. Tindakan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang menggunakan pendekatan secara paksaan, mengambil dan merampas tanah, wilayah dan juga sumber tanpa Izin-MABT dan tidak memberikan pengiktirafan ke atas tanah adat Orang Asli adalah suatu tindakan yang tidak adil.

19. Di negeri Selangor sahaja, seluas 7,000 hektar tanah rizab Orang Asli telah dibatalkan warganya tanpa pengetahuan Orang Asli sendiri menyebabkan mereka kehilangan kawasan tersebut. Di Sabah dan Sarawak pula, semakin ramai komuniti yang mengalami kesulitan akibat daripada pengambilan tanah adat mereka oleh syarikat perladangan kelapa sawit dan kayu industri atau kepada syarikat pembalakan – sekali lagi tanpa izin Orang Asli, apatah lagi izin-MABT, selalunya tanpa pembayaran pampasan yang wajar seperti apa yang termaktub di dalam Perkara 28 UN-DRIP dan juga Akta Pengambilan Tanah.

20. Kebanyakan kes-kes pengambilan tanah adat dan pengusiran Orang Asli dilakukan secara paksa dan tidak berperikemanusiaan.

21. Tambahan pula terdapat rancangan untuk membina 12 lagi empangan di Sarawak di atas tanah dan wilayah Orang Asli. Keputusan ini dibuat tanpa pengetahuan dan persetujuan Orang Asli dan ini bercanggah dengan peruntukan Perkara 32 UN-DRIP.

22. Hak Orang Asli ke atas tanah turut terjejas akibat daripada pengwujudan koridor-koridor pembangunan yang kononnya diperkenalkan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Penempatan semula secara paksa

23. Orang Asli sering menjadi mangsa penempatan semula secara paksa. Ini dilakukan kerana kerajaan tidak mengiktiraf tanah adat Orang Asli dan tidak menggunakan pendekatan izin-MABT.

24. Satu contoh penempatan semula secara paksa ialah masyarakat Chewong – Orang Asli, di mana mereka telah diarah berpindah untuk memberi laluan kepada pembinaan Empangan Kelau di Pahang. Masyarakat

Chewong telah dengan sengaja diperdayakan oleh agensi kerajaan bagi memudahkan kerja penempatan semula secara paksa sedangkan komuniti tersebut sebenarnya tidak perlu dipindahkan kerana kawasan kampung mereka tidak terlibat dengan projek tersebut.

25. Tindakan di atas bercanggah secara langsung dengan Perkara 10 UN-DRIP yang menegaskan bahawa Orang Asal tidak boleh dipindah secara paksa dari tanah atau wilayah mereka dan tiada sebarang penempatan semula akan berlaku tanpa izin-MABT.

Pencabulan terhadap Hak Pentadbiran Sendiri

26. Perkara 20 UN-DRIP menegaskan bahawa Orang Asal berhak untuk mempertahankan dan membangunkan sistem dan institusi politik, ekonomi dan sosial mereka. Sebaliknya, kerajaan semakin campurtangan dalam sistem tradisi Orang Asal terutamanya dalam proses pemilihan, penentuan dan pengiktirafan pemimpin-pemimpin adat.

27. Contohnya, Garis Panduan Prosedur untuk menentukan Tok Batin/Penghulu Orang Asli menyatakan kerajaan mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan siapa yang layak menjawat jawatan tersebut dan untuk menentukan prosedur pemilihan tersebut.

Tekanan Asimilasi dan hak kebebasan beragama

28. Orang Asal mempunyai kebudayaan, keagamaan dan institusi adat yang unik dan mahu terus mengamalkan dan mewariskannya kepada generasi akan datang. Orang Asal menghadapi pelbagai tekanan yang memaksa Orang Asal untuk menukar agama melalui program-program asimilasi keagamaan yang dijalankan oleh institusi-institusi keagamaan dengan janji-janji mendapatkan faedah. Ini jelas melanggar Perkara 12 UN-DRIP.

29. Ini dengan objektif mengintegrasikan Orang Asal ke dalam masyarakat arus perdana, khususnya untuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia, mempunyai unsur-unsur polisi tekanan asimilasi.

30. Tambahan pula, sebahagian daripada Orang Asal yang telah memilih agama arus perdana selain daripada agama rasmi negara telah mendapati

tempat beribadat mereka dimusnahkan oleh penguatkuasa tempatan dengan alasan tempat beribadat tersebut didirikan di tanah kerajaan.

31. Orang Asal harus bebas untuk memilih agama yang dianuti seperti yang termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

Akibat Tiada Dokumen Pengenalan Diri

32. Masih ramai Orang Asal tidak memiliki dokumen pengenalan diri. Ini disebabkan antara lain ialah tiada akses kepada infrastruktur kerajaan yang bertanggungjawab untuk mendokumentasi kewarganegaraan dan prosedur yang merumitkan Orang Asal.

33. Agensi yang dipertanggungjawabkan oleh perundangan untuk melaksanakan fungsinya seringkali menyalahkan Orang Asal kerana gagal mendapatkan dokumen pengenalan diri.

34. Warganegara yang belum memiliki dokumen pengenalan diri tidak menikmati hak-hak yang diperuntukan kepada mereka termasuk faedah sosial, ekonomi dan hak kewarganegaraan.

Kesimpulan dan cadangan

35. Oleh kerana Malaysia telah menyokong UN-DRIP, kerajaan Malaysia seharusnya berpegang kepada niat baiknya untuk memastikan Deklarasi ini dilaksanakan dan dikuatkuasakan.

36. Perkara 38 UN-DRIP menyatakan keperluan kerajaan dengan perundingan dan kerjasama dengan Orang Asal, harus mengambil langkah-langkah yang bersesuaian termasuk perundangan, untuk memastikan deklarasi ini dihormati dan diamalkan.

37. Ini diperkukuhkan lagi dalam Perkara 42 UN-DRIP yang menyeru kerajaan untuk mempromosikan penghormatan dan pelaksanaan sepenuhnya peruntukan yang terkandung dalam deklarasi ini dan menyusun keberkesanan deklarasi ini.

38. Banyak pencabulan hak asasi manusia yang dihadapi oleh Orang Asal boleh diselesaikan jika UN-DRIP dilaksanakan sepenuhnya dan jika keputusan mahkamah dan prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan dipatuhi.

39. Ini khususnya dalam kes-kes hak tanah adat adalah satu hak yang kukuh dalam perundangan Malaysia seperti yang diperuntukkan di dalam undang-undang dan dijelaskan oleh keputusan kehakiman. Jelas membuktikan bahawa status tanah adat adalah sah seperti tanah bergeran dan kerajaan harus mengiktirafkannya.

40. Dengan berbuat demikian, ia adalah selaras dengan mendukung Perlembagaan Persekutuan kerana penghapusan hak tanah adat adalah melanggar hak asasi Orang Asal. Dan hak ini dilindungi dibawah perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan "tiada seorang pun boleh diambil nyawa atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang".

41. Hak Orang Asal akan diiktiraf dan didukung hanya dengan mematuhi peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan pelaksanaan penuh perkara-perkara yang terkandung dalam UN-DRIP.

42. Dengan ini kami menyeru kerajaan Malaysia untuk mematuhi undang-undang kebangsaan yang berkaitan dengan hak Orang Asal dan pada masa yang sama menghormati hak tersebut seperti yang dinyatakan dalam undang-undang antarabangsa.

Oleh yang demikian kami menuntut sebagai Orang Asal rakyat Malaysia:

(i) Kerajaan harus segera memberhentikan proses perundangan warta tanah yang mengambil alih hak tanah adat daripada dipunyai oleh Orang Asal sendiri. Tanah adat yang telah dirampas ataupun diwartakan untuk pelbagai tujuan haruslah dikembalikan dan proses perundangan harus dilakukan untuk membolehkan ini berlaku.

(ii) Jika kerajaan ingin mengambil tanah adat untuk tujuan pembangunan, konservasi dan sebagainya, ia harus menggunakan Prinsip Izin-MABT dan membayar pampasan yang merangkumi tanah, tanam-tanaman, penempatan dan segala sumber-sumber yang terdapat di atas dan di bawah tanah itu yang setimpal dengan nilainya. Proses pengukuran tanah adat, termasuk hutan komunal Orang Asal haruslah dilaksanakan dengan penglibatan penuh Orang Asal yang terlibat.

(iii) Mahkamah harus memberi keutamaan kepada kes-kes yang melibatkan pertikaian tanah adat dengan mempercepatkan perbicaraan dan pemberian keputusan. Kerajaan harus menyediakan bantuan guaman bagi kes-kes Orang Asal.

(iv) Pentadbiran dan penyelenggaraan hal adat Orang Asal haruslah dikembalikan kepada masyarakat Orang Asal sendiri. Ini boleh dilakukan dengan menggantikan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dengan Majlis Adat Orang Asal yang dianggotai oleh Orang Asal dan dipilih oleh masyarakat Orang Asal sendiri. Ini juga harus dilanjutkan untuk membolehkan perwakilan khas Orang Asal dalam dewan undangan negeri dan dewan rakyat yang juga harus dipilih sendiri oleh masyarakat Orang Asal.

(v) Wujudkan mahkamah adat untuk Orang Asli Semenanjung Malaysia yang dapat menjaga hal-hal perundangan adat. Berkaitan ini perkahwinan yang diakui oleh ketua kaum atau majlis adat harus diiktiraf oleh perundangan sivil Malaysia.

(vi) Orang Asal telah menderita akibat daripada segala tindakan yang tidak adil oleh kerajaan-kerajaan selama ini. Sejak penubuhan kerajaan Malaysia, banyak penganiayaan telah dilakukan terhadap Orang Asal. Justeru, kerajaan wajib memohon maaf ke atas penindasan yang berlaku dalam sejarah Malaysia.

(vii) Menginstitusikan mekanisme dan perundangan yang dapat melawan diskriminasi terhadap masyarakat Orang Asal. Peluang pendidikan dan kesihatan haruslah dilaksanakan dengan tahap kualiti yang terbaik di negara ini. Media juga harus mengubah persepsi dan gambaran negatif yang sering ditunjukkan.

(viii) Mempermudahkan proses untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri dan memberikan butir-butir pengenalan diri mengikut kehendak sendiri.

(ix) Penubuhan Suruhanjaya DiRaja untuk menyiasat pengeluaran kad pengenalan diri dan mendapat kewarganegaraan dengan cara memalsukan identiti diri termasuk yang berstatus "Bumiputera lain-lain".

(x) Memansuh atau meminda mana-mana undang-undang yang menindas, tidak menghormati, tidak melindungi Orang Asal dan bercanggah

dengan UN-DRIP, seperti Akta 134 Akta Orang Asli, pindaan-pindaan Kanun Tanah Sarawak dan Ordinan Pengambilan Tanah Sabah (Bab 69).

(xi) Berdasarkan UN-DRIP, Kerajaan Persekutuan haruslah menggubal satu undang-undang yang mengiktiraf dan menjamin hak-hak Orang Asal.

Ditandatangani oleh:

.....

Adrian Lasimbang,
Pengerusi, JOAS

.....

Wakil Orang Asal Semenanjung Malaysia

.....

Wakil Orang Asal Sabah

.....

Wakil Orang Asal Sarawak